



LINDUNGI ANAK-ANAK KITA

HENTIKAN PERKAHWINAN KANAK-KANAK SEKARANG!

sisters in islam

sisters in islam

Lindungi Anak-Anak Kita:
Hentikan Perkahwinan Kanak-Kanak Sekarang!

Edisi Pertama 2020
© SIS Forum (Malaysia) (266561 W)

ISBN: 978-983-2622-43-7

Penulis: Fadiah Nadwa Fikri

Penyunting:

Isi Kandungan: Rozana Isa dan Syarifatul Adibah

Diterbitkan di Malaysia oleh:

SIS Forum (Malaysia) (266561 W) - (Sisters in Islam)
No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya Selangor, Malaysia
T: +603 7960 3357 / 7960 5121 / 7960 6733
F: +603 7960 8737
E: sis@sistersinislam.org.my
www.sistersinislam.org

Dicetak di Malaysia oleh:

Angel Printing House

Reka Kulit Buku, Reka Letak & Ilustrasi

Teddie Goh • www.teddiegoh.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Fadiah Nadwa Fikri, 1983-

Lindungi Anak-Anak Kita: Hentikan Perkahwinan Kanak-Kanak Sekarang /

Penulis: Fadiah Nadwa Fikri ; Penyunting Isi Kandungan: Rozana Isa dan Syarifatul Adibah.

ISBN 978-983-2622-43-7

1. Child marriage.
2. Child marriage - Law and legislation.
3. Children's rights.
4. Children - Legal status, laws, etc.

I. Rozana Isa. II. Syarifatul Adibah. III. Judul.306.8

Mana-mana bahagian terbitan ini boleh disalin, diterbitkan semula, diadaptasi, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara pun untuk memenuhi keperluan setempat, bukan untuk tujuan mendapat keuntungan dan tanpa perlu mendapatkan izin Sisters in Islam. Segala bentuk salinan, terbitan semula, adaptasi dan terjemahan secara mekanikal, elektrik atau elektronik seharusnya memberi penghargaan kepada Sisters in Islam dan penulisnya sebagai sumber rujukan. Satu salinan sebarang bentuk terbitan semula, adaptasi dan / atau terjemahan harus dihantar kepada Sisters in Islam.

Kandungan

04

Prakata

06

Definisi

08

Kesan perkahwinan kanak-kanak

11

Faktor-faktor yang mendorong kepada perkahwinan kanak-kanak

19

Permasalahan undang-undang

36

Penutup

40

Rujukan

42

Maklumat Tambahan

Prakata

Perkahwinan kanak-kanak merupakan salah satu isu yang masih hangat dibahaskan di Malaysia. Ini menimbulkan kebimbangan kepada pihak-pihak yang prihatin dan peka terhadap hak asasi dan kebajikan kanak-kanak. Perkahwinan kanak-kanak memberi impak yang buruk dan maklumat ini telah pun disokong oleh kajian-kajian yang telah dilakukan oleh agensi atau institusi kebangsaan mahupun antarabangsa.

Hukum mencegah perkara yang membawa kemudarat kepada umat Islam adalah wajib. Mencegah perkahwinan kanak-kanak adalah berdasarkan dari kaedah fiqh ‘kemudarat harus dihilangkan’. Kanak-kanak belum mampu untuk mengharungi kehidupan berkeluarga, oleh itu mereka akan mengalami pelbagai kemudarat dan penderitaan dalam pelbagai sisi kehidupan, baik dari segi pendidikan, ekonomi, sosial, kesihatan, mahupun moral keagamaan. Impak negatif ini dialami oleh anak perempuan yang dinikahkan, lelaki yang menikahi mahupun kepada anak-anak yang dilahirkan. Berdasarkan alasan-alasan ini, Kongres Ulama Perempuan Indonesia (KUPI) yang berlangsung pada bulan April 2017 menegaskan bahawa hukum menghentikan perkahwinan kanak-kanak adalah wajib. KUPI selanjutnya menyatakan bahawa kemudarat ini bertentangan dengan tujuan

perkahwinan dalam Islam iaitu untuk memberikan kebahagiaan dan kemaslahatan kepada institusi kekeluargaan (sakinah, mawaddah wa rahmah).¹

Pada tahun 2014, United Nations Population Fund (UNFPA) melaporkan bahawa terdapat 15,000 kanak-kanak perempuan yang berkahwin di bawah umur 19 tahun di Malaysia.

Pada bulan Februari 2018 ketika Sesi Persidangan ke 69 ‘Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)’ yang diadakan di Geneva, Switzerland, ahli Jawatankuasa CEDAW mendapati bahawa perkahwinan kanak-kanak masih dibenarkan di bawah undang-undang Sivil dan Shari’ah di Malaysia.

Mereka menyarankan agar undang-undang yang menetapkan 18 tahun sebagai umur minima perkahwinan bagi lelaki dan perempuan digubal sebagai langkah untuk menghentikan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. Pendirian yang sama juga diutarakan kepada wakil-wakil kerajaan Malaysia semasa menilai rekod hak asasi manusia di Penilaian Berkala Sejagat (UPR) dalam Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada November 2018.

Sisters in Islam (SIS) sudah lama terlibat dalam menjalankan kerja-kerja advokasi untuk mendidik masyarakat tentang impak perkahwinan kanak-kanak. Di antara advokasi kami termasuklah memberi hujah dan mengeluarkan kenyataan media, melobi/berbincang dengan penggubal dasar negara, dan melakukan kajian tentang situasi dan permasalahan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. Di antara forum-forum awam yang telah dianjurkan termasuklah:

- i. Pelajar Bukan Pengantin, 7 Oktober 2018;
- ii. Child Rights in Malaysia, 9 September 2017;
- iii. Kahwin Bawah Umur: Cinta atau Eksplorasi, 8 Oktober 2016.


SIS berpendirian bahawa perkahwinan kanak-kanak tidak selari dengan prinsip-prinsip Maqasid Shari’ah. Maqasid Shari’ah merupakan kaedah penetapan hukum yang berusaha untuk memartabat nilai-nilai kemanusiaan sejagat demi mencapai kemaslahatan atau kebaikan buat semua umat manusia.



Definisi

Tujuan Shari'ah (*Maqasid Shari'ah*) adalah untuk:

- i) menjaga agama (*hifzh ad-din*)
- ii) menjaga jiwa (*hifzh an-nas*)
- iii) menjaga akal (*hifzh al-aql*)
- iv) menjaga keturunan (*hifzh al-nasl*)
- v) menjaga harta (*hifzh al-mal*)
- vi) menjaga kehormatan (*hifzh al-ird*)



Nilai-nilai ini termasuklah kebebasan untuk menjaga tubuh/jiwa (*hifzh al-nafs*) dan menjaga akal (*hifzh al-aql*) untuk berfikir secara positif dan produktif, dinamis dan inovatif. Ini termasuklah kebebasan untuk memilih pasangan dalam berumahtangga dengan tujuan menjaga keturunan (*hifzh al-nasl*).²

Bagaimana seorang kanak-kanak dapat menikmati kehidupan yang berkualiti sekiranya akses dan peluang kepada pendidikan dinafikan dan diikuti pula dengan komplikasi-komplikasi negatif yang lain kerana berkahwin di usia yang muda? SIS berharap agar undang-undang dapat dipinda pada peringkat negeri mahupun Persekutuan untuk menaikkan umur minima perkahwinan kepada 18 tahun untuk semua kanak-kanak tanpa mengira kaum, bangsa dan agama tanpa sebarang pengecualian.

1 Lihat dokumen resmi proses & hasil Kongres Ulama Perempuan Indonesia, p. 112

2 Ali, Mukti..et.al, pp. 61-62

1

Apakah yang dimaksudkan dengan perkahwinan kanak-kanak?

Menurut United Nations Children's Fund (UNICEF), perkahwinan kanak-kanak adalah “**perkahwinan rasmi atau penyatuan secara tidak rasmi sebelum berumur 18 tahun**.”

Committee on the Rights of the Child (CRC) menyatakan perkahwinan kanak-kanak adalah “sebarang perkahwinan di mana salah seorang (atau kedua) pasangan berumur di bawah 18 tahun.”

Inter-African Committee (IAC) pula mentakrifkan perkahwinan kanak-kanak sebagai “mana-mana perkahwinan yang dibuat di bawah umur 18 tahun, sebelum perempuan itu bersedia secara fizikal, fisiologi, dan psikologi untuk menanggung tanggungjawab perkahwinan.”

Girls Not Brides, yang merupakan satu kerjasama global di antara 700 pertubuhan masyarakat sivil yang tekad untuk menghentikan perkahwinan kanak-kanak, memberi definisi perkahwinan kanak-kanak sebagai “perkahwinan rasmi atau penyatuan tidak rasmi di mana salah satu atau kedua-dua pihak yang terlibat berumur di bawah 18 tahun.”

2

Siapakah yang dianggap kanak-kanak?

Committee on the Rights of the Child (CRC) mentakrifkan kanak-kanak sebagai individu yang berumur di bawah 18 tahun.

Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 yang terpakai di Malaysia juga menyatakan kanak-kanak adalah individu yang berumur di bawah 18 tahun.

Apakah Kesan Kepada Kanak-Kanak Jika Mereka Dikahwinkan?

3

Adakah perkahwinan menghalang kanak-kanak untuk mendapat peluang pendidikan yang diperlukan?

Kanak-kanak yang berkahwin pada usia muda mempunyai peluang yang terhad untuk meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Kebiasaannya, mereka akan disuruh berhenti oleh pihak sekolah walaupun tiada arahan daripada Kementerian Pendidikan untuk berbuat demikian. Ataupun, mereka berhenti bersekolah kerana tidak mendapat sokongan serta tidak dapat menahan tekanan yang dihadapi daripada keluarga dan masyarakat. Setelah berkahwin, mereka terpaksa menanggung tugas dan tanggungjawab perkahwinan yang berat.

Kanak-kanak yang tidak dapat meneruskan pendidikan akan kehilangan peluang untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pendidikan yang amat diperlukan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Mereka juga kekal dalam kemiskinan kerana tidak mendapat kerja dengan gaji yang baik. Mereka juga menjadi lebih terdedah kepada pekerjaan yang mengeksplorasi keadaan mereka.

4

Apakah kesan buruk perkahwinan kanak-kanak ke atas kesihatan fizikal mereka?

Kanak-kanak yang mengandung setelah dikahwinkan terdedah kepada masalah kesihatan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2014, masalah kesihatan yang dialami kanak-kanak ketika mengandung dan melahirkan anak merupakan punca kematian



kedua tertinggi bagi remaja perempuan yang berumur antara 15 hingga 19 tahun di seluruh dunia.

5

Selain itu, apakah kesan-kesan lain yang akan ditanggung oleh kanak-kanak yang berkahwin pada usia yang muda?

Pada tahun 2014, Pusat Kajian Penyelidikan Wanita Antarabangsa (ICRW) melaporkan bahawa kanak-kanak perempuan yang berkahwin pada usia sebelum 18 tahun adalah dua kali ganda lebih berisiko mengalami keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh pasangan atau ahli keluarga pasangan mereka. Kanak-kanak mempunyai tahap keupayaan/pemberdayaan yang lebih rendah untuk menangani ranjau kehidupan perkahwinan berbanding dengan pasangan mereka yang lebih tua.

Faktor-Faktor Yang Mendorong Kepada Perkahwinan Kanak-Kanak



6 Bagaimana pula dengan kesihatan emosi dan mental kanak-kanak yang terlibat?

Perkahwinan kanak-kanak boleh mengganggu perkembangan mental, fizikal serta ketahanan emosi akibat terdedah kepada persekitaran yang tidak sesuai untuk mereka. Kanak-kanak yang berkahwin awal mempunyai keyakinan diri yang rendah kerana mereka terpaksa menjalani kehidupan perkahwinan yang tidak sesuai dengan usia muda mereka. Mereka juga berisiko tinggi untuk mengalami kemurungan selepas bersalin dan boleh cenderung untuk melakukan percubaan membunuh atau memudaratkan diri akibat daripada kemurungan itu.

7

Apakah faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya perkahwinan kanak-kanak?

Menurut kajian yang dijalankan oleh Pusat Kajian Penyelidikan Wanita Antarabangsa (ICRW) 2014, terdapat empat faktor utama yang mendorong kepada terjadinya perkahwinan kanak-kanak di seluruh dunia. **Faktor-faktor itu adalah:**



Kemiskinan



Kekurangan peluang pendidikan dan pekerjaan



Ketidakstabilan akibat perang atau konflik



Adat/tradisi

Menurut kajian yang dilakukan oleh UNICEF Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2018, kemiskinan adalah salah satu punca perkahwinan kanak-kanak. Kajian ini menyatakan bahawa terdapat bukti yang menunjukkan perkahwinan kanak-kanak banyak berlaku di kawasan-kawasan yang dirundung kemiskinan dan di negara-negara termiskin di dunia.

Akan tetapi, berbeza pula puncanya di Malaysia. Kajian bersama yang dilakukan oleh Sisters in Islam (SIS) dan Asian-Pacific Resource & Research Centre for Women (ARROW) (2018)³ menambah, selain daripada faktor-faktor yang tertera di atas, faktor-faktor berikut turut menyumbang kepada berlakunya perkahwinan kanak-kanak iaitu:

³ National report: Malaysia. Child marriage: its relationship with religion, culture and patriarchy, 2018

8

Bagaimana kemiskinan boleh menutup peluang pendidikan dan pekerjaan dan seterusnya menjurus kepada perkahwinan kanak-kanak?

Kemiskinan dan tiadanya peluang pendidikan dan pekerjaan menyebabkan seseorang itu dinafikan keupayaan untuk membuat pilihan dalam kehidupan kerana tiada ilmu dan sumber ekonomi.

Salah satu dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh UNICEF Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2018 menunjukkan kebanyakan ibu bapa dan keluarga yang tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak membuat keputusan untuk mengahwinkan anak-anak mereka pada usia yang muda kerana merasakan anak-anak mereka tidak mempunyai masa depan yang cerah.

1. Toleransi yang rendah terhadap kanak-kanak yang menjalinkan hubungan romantik/cinta dengan seseorang yang berlainan jantina;
2. Budaya dan tradisi;
3. Tafsiran agama yang bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan sejahtera yang ditekankan oleh Maqasid Shari'ah juga menyumbang kepada situasi ini.

9

Bagaimana kepercayaan kepada adat/tradisi menyumbang kepada perkahwinan kanak-kanak?

Terdapat masyarakat dan suku kaum di Malaysia contohnya di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak, adat menanda atau memilihkan pasangan ketika anak-anak masih mentah oleh ibu bapa atau penjaga mereka adalah sesuatu yang biasa bagi sesetengah kaum di sana. Apabila kanak-kanak ini sudah mencapai usia baligh iaitu datang haid atau bermimpi basah, mereka akan dikahwinkan walaupun belum mencapai usia 18 tahun. Adat ini masih diamalkan sehingga kini.

Pada masa ini, tiada had umur minima perkahwinan ditetapkan di bawah Undang-undang Adat Anak Negeri Sabah. Undang-undang Adat Istiadat Sarawak untuk pelbagai kumpulan etnik negeri ini juga tidak menetapkan umur minima untuk berkahwin.⁴

Akta Orang Asli 1954 juga tidak menetapkan umur minima perkahwinan untuk anak-anak orang Asli di Semenanjung Malaysia.

⁴ <https://www.theborneopost.com/2018/09/14/ministry-preparing-cabinet-paper-on-minimum-marriageable-age-fatimah/>

10

Apakah yang dinyatakan dalam agama Islam tentang isu ini?

Teks agama Islam berkenaan umur perkahwinan terkandung dalam Surah an-Nisa' sebahagian dari ayat 6 yang menyebut:

وَابْتَلُو الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آتَسْتُمْ مِّنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوهُ إِلَيْهِمْ أَمْوَالُهُمْ

"Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya..."

Pemahaman berkenaan umur perkahwinan yang bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan sangat yang ditekankan oleh Maqasid Shari'ah kemudiannya timbul apabila teks agama Islam berkenaan isu ini ditafsir dan difahami secara literal dan cenderung kepada pemahaman hadis dhaif (lemah) yang menyatakan bahawa Saidatina Aishah (r.a) berkahwin dengan Nabi Muhammad ketika beliau berusia 6 tahun dan melakukan hubungan kelamin ketika beliau berusia 9 tahun. Al-Idlibi menyatakan bahawa hadis ini adalah hadis yang lemah kerana ia tidak selari dengan apa yang berlaku dalam sejarah.

Pendapat Al-Adlibi ini disokong oleh fakta sejarah yang menyatakan bahawa Saidatina Aishah (r.a) dilahirkan 4 tahun sebelum bermulanya misi kenabian Muhammad (s.a.w). Aishah (r.a) berkahwin dengan Nabi Muhammad (s.a.w) pada tahun ke 10 misi kenabiannya. Saidatina Aishah (r.a) berumur 14 tahun



pada waktu itu. Beliau mula melakukan hubungan kelamin pada akhir tahun pertama selepas Hijrah yang mana Saidatina Aishah berumur hampir 18 tahun ketika itu.

Namun, ada juga ulama yang berbeza pendapat dan mengatakan umur Aishah ketika berkahwin adalah di dalam lingkungan 19 atau 20 tahun. Mereka mengambil kira umur Aishah ketika beliau berhijrah dari Mekah ke Madinah, tahun penghijrahan dan apabila perbandingan dibuat dengan umur kakaknya, Asma Abu Bakar. Tambahan pula, hadis yang menyatakan umur Aishah ketika berkahwin 6 tahun hanya mempunyai satu perawi sahaja iaitu Hisham bin Urwa. Ketika beliau meriwayatkan hadis ini, beliau sudah sangat tua dan meninggal dunia tidak lama selepas itu. Hadis ini dikatakan bermasalah kerana sanad (salasilah perawi yang tidak jelas) dan juga perawi yang dipercayai mempunyai ingatan yang bercelaru pada masa tua.

Kebanyakan orang Islam menerima tafsiran yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak dan tidak berbincang atau mengupas dengan lebih lanjut pendapat ini. Mereka percaya bahawa perkahwinan kanak-kanak boleh dilakukan dan tidak mengambil kira pandangan atau hujah yang berlawanan dengannya. Ia mempunyai pengaruh yang kuat ke atas undang-undang yang digubal yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak dan terpakai ke atas orang-orang Islam di Malaysia.

11

Bagaimana pula dengan kepercayaan bahawa usia nikah ditentukan ketika seseorang telah mencapai usia baligh iaitu apabila seorang anak perempuan telah datang haid dan anak lelaki telah mendapat mimpi basah?

Dr. Nur Rofiah, seorang pensyarah pengajian al-Quran dan Tafsir di Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Quran Jakarta dan juga seorang pakar dalam bidang Islam dan gender, menegaskan bahawa konsep baligh yang disebut secara umum dalam Islam ketika membenarkan perkahwinan tidak boleh dihadkan kepada perkembangan fizikal semata-mata iaitu datang haid bagi anak perempuan atau mimpi basah untuk anak lelaki. Memandangkan ada perempuan dan lelaki yang baligh dalam usia yang amat muda dan masih belum mencapai keupayaan/kematangan fikiran/intelektual, maka perkahwinan bukanlah jalan penyelesaian yang betul.

Konsep baligh dalam perkahwinan, selaras dengan Surah an-Nisa' ayat ke-6, perlu merangkumi keupayaan dan kematangan dari segi mental, sosial, dan juga spiritual.

وَابْتَلُوا الْيَتَمَّى حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا التِّكَّاخَ ۖ فَإِنَّ انْشِئُمْ مِّنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوهُ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ
وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًاً وَيَدَارًا أَنْ يَكْبِرُوا وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۖ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا
فَلْيَأْكُلْ بِالْمَغْرُوفِ ۖ فَإِذَا دَفَعْتُمُ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهُدُوا عَلَيْهِمْ وَكُفُّ بِاللَّهِ حَسِيبًا

"Dan ujilah anak-anak yatim itu sehingga mereka cukup umur. Kemudian jika kamu nampak keadaan mereka telah cerdik untuk

menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan terburu-buru sebelum mereka dewasa. Dan sesiapa yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakan harta anak yatim itu); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya secara sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan harta mereka, hendaklah kamu adakan saksi-saksi atas mereka. Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan)." ⁵

Dr Nur Rofiah menegaskan dalam menentukan kematangan seseorang, amat penting bagi kita untuk merujuk ayat di atas yang mengarahkan penjaga anak yatim untuk memegang harta pusaka sehinggalah anak-anak ini mencapai keupayaan untuk berkahwin dan membuat keputusan yang baik dan munasabah dalam menguruskan hartanya sendiri.

Beliau selanjutnya menyatakan, berdasarkan ayat ini juga, para ulama mempunyai pendapat yang berbeza tentang usia nikah. Al-Alusi dalam Ruh al-Ma'ani menyebut umur 18 tahun sebagai usia sesuai nikah, manakala An-Nakhai pula menetapkan umur 25 tahun sebagaimana dinyatakan oleh Abu Hayyan Muhammad bin Yusuf dalam Tafsir al-Bahr al-Muhith.

Universiti Al-Azhar dengan kerjasama UNICEF juga telah menerbitkan satu kertas kerja dan menyatakan bahawa penetapan umur berkahwin 18 tahun adalah selaras dengan ajaran Islam. Seseorang yang berumur 18 ke atas telah tamat persekolahan, adalah lebih bersedia dan berupaya untuk memikul tanggungjawab.

5 Terjemahan al-Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (<http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran/terjemahan-al-quran>)

Permasalahan Undang-Undang

12

Bagaimana pula dengan kepercayaan bahawa perkahwinan adalah jalan terbaik untuk menjaga maruah/kehormatan seseorang?

Perkahwinan sering dilihat sebagai satu cara untuk menghalang kanak-kanak yang sedang menjalinkan hubungan romantik/cinta daripada terjebak melakukan zina dan hamil luar nikah.

Kecenderungan untuk menjalinkan hubungan adalah fitrah manusia. Untuk memastikan hubungan tersebut sihat, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan pendidikan tentang cara perhubungan di antara lelaki dan perempuan, termasuklah pendidikan tentang hak dan kesihatan seksual dan reproduktif (pendidikan seksualiti komprehensif) yang secukupnya diberikan kepada remaja dan kanak-kanak. Pendidikan seks dapat mencegah kanak-kanak daripada menjadi mangsa kekerasan seksual termasuk perkahwinan kanak-kanak dan ia juga dapat mengajar mereka untuk membuat keputusan yang baik untuk diri mereka dan bertanggungjawab semasa menjalinkan hubungan. Pendidikan seksualiti komprehensif amat penting sekali untuk memantapkan diri sebelum menjalinkan sebarang perhubungan apalagi bila melangkah ke alam perkahwinan.


Ada juga kes-kes di mana keluarga memaksa kanak-kanak yang menjadi mangsa rogal berkahwin dengan perogol mereka. Perkahwinan sebegini akan menyebabkan ketidakseimbangan kuasa dalam perhubungan. Seterusnya anak perempuan ini akan lebih terdedah kepada penderaan seksual yang berterusan.

13

Apakah undang-undang yang dipakai untuk membenarkan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia?

Ada beberapa undang-undang iaitu:

- i) Akta Undang-Undang Keluarga Islam negeri yang terpakai kepada orang Islam.
- ii) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 untuk orang bukan Islam. Pindaan baharu telah dibuat pada tahun 2017.
- iii) Undang-undang Adat untuk kanak-kanak orang Asal/Asli. Perkahwinan harus didaftarkan di Mahkamah Anak Negeri Sabah, Mahkamah Adat Istiadat Sarawak atau Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- iv) Akta Umur Dewasa 1971 juga membuat pengecualian di mana seorang individu berumur di bawah umur majoriti 18 tahun dibenarkan untuk berkahwin.
- v) Akta Kanak-Kanak 2001 yang terpakai di peringkat Persekutuan tidak mempunyai peruntukan khas berkenaan perkahwinan kanak-kanak walaupun ia digubal untuk melindungi hak asasi kanak-kanak.



14

Apakah peruntukan yang terkandung di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam negeri yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak?

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 8 menetapkan umur minima seorang lelaki untuk berkahwin adalah 18 tahun manakala seorang perempuan adalah 16 tahun dengan syarat ibu bapa/penjaga kanak-kanak tersebut telah mendapat kebenaran bertulis dari hakim mahkamah Syariah untuk situasi-situasi tertentu.

Seksyen 8 menyatakan "tiada sesuatu perkahwinan boleh diakad nikahkan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika hakim Syariah telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu".

Namun demikian, permohonan untuk berkahwin di bawah usia minima ini dibolehkan sekiranya ibu bapa atau penjaga mendapat kebenaran daripada mahkamah Syariah.

Oleh itu, anak perempuan seawal umur 10 tahun juga boleh dikahwinkan sekiranya mahkamah Syariah membenarkan.

Pada bulan Ogos 2018, kerajaan negeri Selangor telah membuat pindaan kepada seksyen 8 dan memindahkan masuk seksyen 8A ke dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.



Selepas pindaan, Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan: "Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakad nikahkan di bawah Enakmen ini jika lelaki atau perempuan itu berumur kurang daripada lapan belas tahun."

Seksyen 8A telah mengetatkan permohonan untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur di bawah 18 tahun untuk berkahwin. Ia mewajibkan satu notis permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta dengan afidavit ibu atau bapa atau penjaganya dan juga afidavit bakal pasangan masing-masing. Afidavit haruslah mengandungi butir-butir lengkap seperti:

- i. nama, umur dan status perkahwinan lelaki dan perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu;
- ii. alasan-alasan bagi perkahwinan yang dicadangkan;
- iii. pernyataan berhubung dengan tahap kesihatannya;
- iv. pernyataan sama ada dirinya pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah atau tidak.

- Seterusnya, mahkamah Syariah akan memerintahkan:
- v. lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu dan bakal isteri atau suaminya supaya menjalani pemeriksaan kesihatan di mana-mana hospital Kerajaan, pusat kesihatan Kerajaan atau institusi kesihatan Kerajaan yang lain;
 - vi. pegawai perubatan Kerajaan mengeluarkan suatu laporan perubatan yang menyatakan tahap kesihatan mental, fizikal, psikologi dan reproduktif (bagi perempuan);
 - vii. Pegawai Kebajikan Masyarakat supaya mengeluarkan suatu laporan sosial yang menyatakan latar belakang sosio-ekonomi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu;
 - viii. Polis Diraja Malaysia supaya mengeluarkan laporan rekod jenayah lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu dan bakal isteri atau suaminya, jika ada.

Setelah menerima laporan-laporan di atas, mahkamah akan memanggil pasangan yang akan berkahwin bersama-sama ibu bapa atau penjaga untuk menyiasat mengenai kesediaan pihak-pihak terhadap perkahwinan yang dicadangkan.

Mahkamah, dalam mempertimbangkan permohonan di bawah seksyen ini, hendaklah:

- a. memberi keutamaan kepada kebajikan lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu;
- b. berpuas hati bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu;
 - (i) adalah patut dan perlu; dan
 - (ii) tidak akan menyebabkan kemudaratkan kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu.

Perkara yang sama dilakukan kepada seksyen 7 dan 7A Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 di mana umur minima perkahwinan dinaikkan kepada 18 tahun.

15

Apa pula peruntukan yang terdapat dalam Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 untuk kanak-kanak bukan Islam?

Seksyen 10 akta ini menyatakan bahawa orang bukan Islam (lelaki dan perempuan) boleh berkahwin jika mereka telah berumur 18 tahun. Seksyen 10 selanjutnya memberi pengecualian di mana seorang perempuan berumur 16 tahun boleh berkahwin jika Ketua Menteri/Menteri Besar telah memberikan keizinan. Proses untuk mendapatkan keizinan ini tidak tertakluk kepada perbicaraan/pendengaran. Ketua Menteri/Menteri Besar mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan sama ada untuk membenarkan atau menolak permohonan perkahwinan kanak-kanak.

Namun di dalam seksyen 12, ia ada menyatakan bahawa seorang lelaki atau perempuan yang telah berumur 18 tahun tetapi masih belum mencapai umur 21 tahun tetap perlu mendapatkan keizinan secara bertulis daripada bapanya sebelum berkahwin.


16

Apakah peruntukan di dalam undang-undang adat untuk kanak-kanak orang Asal/Asli?

Pada waktu ini, tiada umur minima perkahwinan ditetapkan di bawah undang-undang adat⁶.

Akan tetapi mereka boleh memilih untuk mengikuti peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 untuk orang bukan Islam iaitu menetapkan umur minima perkahwinan 18 tahun untuk lelaki dan 16 tahun untuk perempuan.

Sekiranya anak lelaki dan anak perempuan ingin dikahwinkan di bawah umur minima yang ditetapkan, keizinan bertulis daripada bapa atau ibu atau penjaga yang sah diperlukan.



⁶ <https://www.theborneopost.com/2019/07/04/move-to-end-child-marriage-in-sabah/>
<https://www.thestar.com.my/news/ntion/2018/08/08/sarawak-to-look-at-setting-marriage-age/>

17

Apa yang dipertimbangkan oleh hakim-hakim mahkamah Syariah dalam memberi kebenaran dalam perkahwinan kanak-kanak?

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 [Pindaan 2018] memperuntukkan setiap permohonan untuk berkahwin bagi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun kepada Mahkamah hendaklah dimulakan dengan:

- i. bagi lelaki, suatu notis permohonan suatu notis permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta dengan afidavit ibu atau bapa atau penjaganya dan juga afidavit bakal isteri kepada lelaki itu; atau
- ii. bagi perempuan, suatu notis permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta dengan afidavit ibu atau bapa atau penjaganya dan juga afidavit bakal suami kepada perempuan itu.

(1) Selepas menerima sesuatu permohonan seperti di atas, Mahkamah hendaklah memerintahkan:

- (a) lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu dan bakal isteri atau suaminya supaya menjalani pemeriksaan kesihatan di mana-mana hospital Kerajaan, pusat kesihatan Kerajaan atau institusi kesihatan Kerajaan yang lain;

-
- (b) mana-mana pegawai perubatan Kerajaan supaya mengeluarkan suatu laporan perubatan bagi tujuan pemeriksaan kesihatan yang dinyatakan di bawah perenggan (a) di atas:
- i. bagi lelaki, yang menyatakan tahap kesihatan mental, fizikal dan psikologinya; atau
 - ii. bagi perempuan, yang menyatakan tahap kesihatan mental, fizikal, psikologi dan reproduktifnya;
- (c) mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat (menurut Akta Kanak-Kanak 2001) supaya mengeluarkan suatu laporan sosial yang menyatakan latar belakang sosio-ekonomi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu; dan
- (d) Polis Diraja Malaysia supaya mengeluarkan laporan rekod jenayah lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu dan bakal isteri atau suaminya, jika ada.

Setelah menerima laporan-laporan yang dinyatakan di bawah Perenggan (1) di atas,

(2) Mahkamah hendaklah, mengarahkan:

- (a) lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu dan bakal isteri atau suaminya; dan
- (b) ibu bapa atau penjaga kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu,

supaya hadir di hadapannya bagi membolehkan Mahkamah menyiasat mengenai kesediaan pihak-pihak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu termasuk sama ada

lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu bersetuju atau tidak terhadap perkahwinan tersebut.

- (3) **Mahkamah boleh mengecualikan mana-mana ibu atau bapa kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu daripada menghadiri siasatan ini, jika difikirkannya wajar untuk berbuat demikian.**
-
- (4) **Mahkamah boleh, pada bila-bila masa sebelum membuat keputusan di bawah seksyen ini, memanggil mana-mana orang lain untuk memberi keterangan jika difikirkannya wajar untuk berbuat demikian.**
-

Buat masa ini, peraturan-peraturan di atas hanya terpakai untuk negeri Selangor sahaja dan tidak terpakai untuk negeri-negeri yang lain.

Bagi Sisters in Islam, walaupun proses dan permohonan untuk berkahwin telah diketatkan, namun ia tidak menghalang dari kemungkinan perkahwinan kanak-kanak masih boleh diluluskan oleh mahkamah Syariah. Dalam jangka masa panjang ia tidak menyumbang secara konstruktif ke arah menghentikan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. SIS berpendirian bahawa perkahwinan kanak-kanak tidak seharusnya berlaku pada masa kini dan kepentingan kanak-kanak mesti menjadi agenda utama. Mahkamah Syariah mestilah menjamin dan memberikan peluang terbaik untuk mereka memiliki masa depan yang lebih baik.

18

Adakah terdapat prosedur operasi seragam (SOP) atau garis panduan yang perlu dipatuhi oleh hakim-hakim mahkamah Syariah ketika menimbangkan permohonan perkahwinan kanak-kanak?

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 [Pindaan 2018] memperuntukkan mengenai prosedur operasi seragam (SOP) atau garis panduan yang perlu dipatuhi oleh hakim-hakim mahkamah Syariah ketika menimbangkan permohonan untuk perkahwinan bagi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun, dan adalah seperti berikut:

- (1) Dalam mempertimbangkan permohonan untuk perkahwinan bagi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun, Mahkamah hendaklah:
- memberi keutamaan kepada kebijakan lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu; dan
 - berpuas hati bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu:
 - ialah patut dan perlu; dan
 - tidak akan menyebabkan kemudaratkan kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu.



- (2) Setelah berpuas hati dengan semua kehendak-kehendak di atas, Mahkamah hendaklah:
- memberikan kebenaran untuk perkahwinan kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu di bawah Seksyen 18 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam; dan
 - memerintahkan lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu supaya menghadiri sesi runding cara kekeluargaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar sebelum perkahwinan itu diakadnikahkan.
- (3) Mahkamah yang memberi kebenaran untuk perkahwinan sedemikian, boleh:
- memerintahkan pembayaran nafkah oleh bakal suami kepada perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu selepas perkahwinan itu; atau
 - mengeluarkan apa-apa perintah lain yang difikirkan wajar untuk menjaga kebijakan lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu.
- (4) Semua prosiding ini hendaklah didengar dan diputuskan dalam Mahkamah tertutup.

19

Adakah terdapat undang-undang lain di peringkat Persekutuan yang boleh digunakan untuk menghalang perkahwinan kanak-kanak?

Seksyen 375(g) Kanun Keseksaan berkenaan rogol statutori/bawah umur terpakai secara umum tanpa mengira agama. Seksyen 375(g) menghukum seorang lelaki yang merogol atau mengadakan hubungan seksual secara sukarela dengan seorang perempuan yang berumur di bawah 16 tahun.

Jika didapati bersalah, pelaku yang merogol seorang perempuan di bawah 16 tahun boleh dihukum penjara tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun dan disebat. Bagi pelaku yang mengadakan hubungan seksual secara sukarela dengan seorang perempuan di bawah 16 tahun pula boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan disebat.

Namun demikian, rogol dalam perkahwinan masih belum dijadikan kesalahan jenayah di Malaysia. Perlu ditegaskan bahawa seksyen 375 Kanun Keseksaan yang menangani jenayah rogol tidak mengambil kira rogol dalam perkahwinan sebagai satu kesalahan.

Kegagalan untuk menjadikan rogol dalam perkahwinan sebagai satu kesalahan jenayah jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang menekankan nilai-nilai seperti sakinah (damai), mawaddah wa rahmah (kasih dan sayang) dalam perkahwinan. Islam mewajibkan nilai-nilai ini diterapkan di dalam institusi kekeluargaan untuk mencapai kemaslahatan dan mencegah kemudaratian.

20

Selain daripada Akta Undang-undang Keluarga Islam negeri, adakah undang-undang lain yang terpakai ke atas orang Islam yang menjurus kepada perkahwinan kanak-kanak?



Akta Undang-undang Jenayah Syariah negeri iaitu Seksyen 27 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang melibatkan kesalahan khalwat (seorang lelaki dan perempuan berduaan di tempat yang mendatangkan sangkaan mereka melakukan perbuatan tidak bermoral) dan Seksyen 23(3) melibatkan kesalahan zina/seks luar nikah di antara lelaki dan perempuan.

Namun demikian, undang-undang berkenaan khalwat telah menjadi stigma buruk dan mendorong ibu bapa membuat keputusan untuk mengahwinkan anak-anak bawah umur yang mula menunjukkan minat dalam menjalankan hubungan. Dalam beberapa kes, kanak-kanak yang ditangkap di bawah pertuduhan khalwat harus memilih sama ada untuk berkahwin atau didakwa di mahkamah Syariah.

21

Apakah yang akan terjadi kepada kanak-kanak perempuan Islam di bawah umur 18 tahun yang mengandung luar nikah tetapi tidak mahu berkahwin?



Kanak-kanak ini akan didakwa di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah atas kesalahan zina/seks luar nikah. Di bawah seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 contohnya, mereka yang didapati bersalah atas kesalahan zina/seks luar nikah akan didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.

Bagi kanak-kanak perempuan Islam yang dibicarakan, beliau bukan sahaja akan merasa malu malah akan merasa aib dan berhadapan dengan stigma keluarga dan masyarakat ketika perbicaraan di mahkamah. Malah peruntukan undang-undang zina/seks luar nikah ini mempunyai kesan yang mendiskriminasi terutama sekali kepada anak yang bakal dilahirkan. Anak tak sah taraf akan berhadapan dengan aib berpanjangan kerana tidak boleh dibin/binti kepada nama bapanya.



Kehamilan bukanlah satu petanda kepada perlakuan zina/seks luar nikah. Besar kemungkinan beliau telah dirogol atau dipengaruuh untuk melakukan hubungan seks.

Kanak-kanak perempuan yang terlanjur dan dipaksa berkahwin berdepan dengan masa depan yang suram kerana tidak berpeluang untuk meneruskan pendidikan dan mendapat peluang pekerjaan yang baik.

Oleh kerana tidak ada penerimaan atau sokongan sosial untuk seorang kanak-kanak perempuan menjadi ibu tunggal dan masih belum berkahwin, kemungkinan mereka terpaksa menerima perkahwinan sebagai pilihan terbaik untuk diri mereka sendiri dan anak yang bakal lahir adalah sangat tinggi.

22

Memandangkan Malaysia mempunyai dua jenis undang-undang jenayah iaitu undang-undang Sivil yang terpakai kepada orang Islam dan orang bukan Islam di peringkat Persekutuan dan undang-undang Shari'ah yang terpakai hanya kepada orang Islam di peringkat negeri, apakah ada kemungkinan berlakunya pertembungan bidangkuasa apabila mahkamah melaksanakan undang-undang yang berbeza ini?



Setiap negeri mempunyai undang-undang dan bidang kuasa tersendiri dan hanya terpakai kepada negeri masing-masing.

Pertembungan bidang kuasa boleh berlaku di antara penggunaan undang-undang jenayah Sivil di peringkat Persekutuan dan undang-undang jenayah Shari'ah di peringkat negeri. Contohnya apabila seorang Islam memfailkan permohonan perkahwinan bawah umur atas sebab zina/hubungan seks luar nikah, adakah hakim mahkamah Syariah mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada polis atau pendakwara dan mengarahkan siasatan dijalankan di bawah seksyen 375(g) Kanun Keseksaan untuk kesalahan rogol statutori/bawah umur? Persoalan kedua, adakah kanak-kanak ini juga boleh didakwa di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah atas kesalahan zina/seks luar nikah pada masa yang sama?

Terdapat beberapa kes di mana pendakwaan untuk kesalahan rogol statutori/bawah umur di bawah seksyen 375(g) Kanun Keseksaan ditarik balik atau tidak diteruskan setelah mangsa berkahwin dengan pelaku rogol hanya untuk "menyelesaikan" masalah.

Pertembungan bidang kuasa ini menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dalam menggunakan undang-undang yang akhirnya menyukarkan usaha untuk menghalang perkahwinan kanak-kanak.



Penutup

Di bawah kerajaan Pakatan Harapan, aktivis-aktivis masyarakat Sivil dan pihak yang prihatin telah menggembang tenaga untuk meningkatkan kesedaran tentang kesan perkahwinan kanak-kanak di kalangan masyarakat dan juga membuat dasar. Kempen #PelajarBukanPengantin, #WhenIam11, dan #EndChildMarriage telah dilancarkan pada 2018 untuk menguatkan usaha dan memastikan perkahwinan kanak-kanak dapat dibendung di Malaysia.

Pada bulan November 2018, satu kumpulan yang terdiri daripada aktivis-aktivis masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan serta pelajar-pelajar sekolah telah berarak ke Parlimen untuk menyerahkan memorandum dan petisyen yang ditandatangani lebih 156,000 orang dan menuntut kerajaan menghentikan perkahwinan kanak-kanak.

Pada bulan Jun 2019, para ulama di Universiti Al-Azhar telah pun mengeluarkan fatwa yang menyatakan bahawa umur 18 tahun adalah umur di mana seseorang itu mempunyai keupayaan dan kemahiran untuk berkahwin. Fatwa ini juga menegaskan bahawa 18 tahun sebagai umur perkahwinan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa.

Pada bulan Ogos 2018, kerajaan negeri Selangor telah menetapkan umur minima perkahwinan kepada 18 tahun. Pada Julai 2019, kerajaan negeri Sabah juga telah mengumumkan pindaan undang-undang yang akan dibuat untuk menaikkan umur perkahwinan kepada 18 tahun. Kerajaan negeri Pulau Pinang dan Perak juga telah menyatakan komitmen untuk meminda undang-undang untuk menaikkan umur perkahwinan kepada 18 tahun dalam masa terdekat. Pada bukan November 2019, Dewan Rakyat telah dimaklumkan melalui Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, mantan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa lima negeri telah bersetuju untuk meminda Undang-Undang Keluarga Islam negeri untuk menaikkan umur minima perkahwinan kepada 18 tahun dan negeri-negeri tersebut adalah Pulau Pinang, Sabah, Johor, Melaka dan Perak. Manakala tujuh negeri tidak bersetuju untuk meminda perundungan yang berkaitan dan mereka adalah Sarawak, Pahang, Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan.

Di bawah kerajaan Pakatan Harapan, pada bulan Januari 2020, satu pelan strategi kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan kanak-kanak telah dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sebanyak enam faktor dikenalpasti yang menjurus kepada perkahwinan kanak-kanak. Faktor-faktor ini adalah:

- i. Punca pendapatan yang rendah dan kemiskinan;
- ii. Kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan seksual reproduktif dan kemahiran keibubapaan;
- iii. Kekurangan akses kepada pendidikan dan menjurus kepada kehadiran sekolah yang rendah;
- iv. Stigma dan norma sosial terhadap perkahwinan bawah umur yang dijadikan sebagai jalan penyelesaian yang terbaik dalam masyarakat;
- v. Undang-undang yang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun;
- vi. Penyelarasian data perkahwinan dan perceraian bawah umur.

Pelan Strategi Kebangsaan ini merangkumi pelan jangka pendek, sederhana dan panjang dan seharusnya dijalankan bermula pada tahun 2020 sehingga 2025. Program-program yang sepatutnya dilaksanakan di bawah pelan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mengubah persepsi dan stigma berkenaan isu perkahwinan kanak-kanak di kalangan masyarakat.⁷

Bermula pada Mac 2020, Parti Islam seMalaysia (PAS) telah pun menjadi sebahagian dari parti pemerintah. Namun, pendirian mereka terhadap isu perkahwinan kanak-kanak amat membimbangkan dan tidak muh meminda Undang-Undang Keluarga Islam untuk negeri Kelantan dan Terengganu untuk menaikkan umur minima perkahwinan kepada 18 tahun.

Justeru, sebagai langkah ke hadapan, adalah menjadi tanggungjawab utama kerajaan untuk memastikan kebijakan kanak-kanak dipelihara sebaik mungkin. Selain menggubal undang-undang dan menetapkan 18 tahun sebagai umur minima perkahwinan, kerajaan juga patut menetapkan satu dasar yang mewajibkan kanak-kanak dan remaja meneruskan persekolahan mereka sehingga tamat iaitu pada usia 17 tahun.

Selain menambah baik undang-undang, kerajaan juga perlu memperbanyak kerja-kerja advokasi untuk membina kesedaran tentang kesan negatif perkahwinan ini kepada pihak yang berkepentingan dan yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat seperti pemimpin-pemimpin agama.

Menetapkan dasar serta undang-undang untuk menghentikan perkahwinan kanak-kanak bukanlah sesuatu yang mustahil. Negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Singapura, Algeria, Bangladesh, Morocco, Turki, dan Mesir telah melakukannya dengan mengambil langkah-langkah yang perlu seperti menaikkan umur minima perkahwinan kepada 18, 19 (Indonesia) dan 21 (Singapura) untuk menghentikan praktik ini.

⁷ Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur, pp. 13-15

Ketika Malaysia sedang menghadapi wabak CoVid-19 dan mengamalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), keselamatan kanak-kanak di rumah juga menjadi persoalan. Apa yang dikhuatirkan adalah tahap di mana kanak-kanak di rumah menjadi lebih terdedah kepada kelakuan keganasan seksual oleh ahli keluarga atau saudara mereka sendiri ataupun kenalan yang duduk serumah dengan mereka. Tanpa kesedaran dan pengetahuan bahawa kanak-kanak mesti dilindungi dan bukan untuk diambil kesempatan, dan bagaimana untuk mendapatkan bantuan atau pertolongan sekiranya berlaku kelakuan keganasan seksual, tidak mustahil sekiranya terdapat lebih banyak kes mengandung luar nikah berlaku. Tidak mustahil juga bahawa kanak-kanak dalam keadaan tersebut akan lebih terdedah kepada tekanan untuk berkahwin sebagai salah satu cara untuk menyelesaikan masalah ini.

Perkahwinan kanak-kanak akan terus menjadi kebimbangan di Malaysia. Selagi mana masih ada undang-undang yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak, selagi itulah perkahwinan kanak-kanak akan terus berlaku di Malaysia dan menjadi norma yang diterima oleh masyarakat. Untuk menghentikan perkahwinan kanak-kanak, salah satu iltizam yang perlu direalisasi oleh kerajaan pada hari ini adalah komitmen untuk menggubal undang-undang untuk menaikkan umur minima perkahwinan kepada 18 tahun tanpa pengecualian.

Pada masa yang sama, semua usaha untuk memastikan pendidikan, keselamatan dan kebijakan semua kanak-kanak di Malaysia adalah terjamin harus berjalan seiring dengan usaha menganjakkan pemikiran rakyat Malaysia bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan membawa kepada kehancuran masa depan kanak-kanak tersebut.

Rujukan

- Ali, M; Gunawan, R; Hilmi, A & Mohamad, J. (2015). Fikih kawin anak: membaca ulang teks keagamaan perkawinan usia anak-anak. Jakarta: Rumah Kita Bersama (Kitab).
- Amelia Hazreena Hamidon. (2017). Kesihatan kanak-kanak dan remaja [powerpoint presentation].
- Dokumen resmi proses & hasil Kongres Ulama Perempuan Indonesia. (2017). Cirebon: Kongres Ulama Perempuan Indonesia.
- Ismail Yahya. (2017). Perkahwinan di bawah umur [powerpoint presentation].
- Musawah. (13 December 2013). Report to be written pursuant to HRC Resolution A/HRC/RES/24/23 on child, early and forced marriage.
- Musawah Positive Developments in Muslim Family Laws. 2019. Diambil daripada https://www.musawah.org/wp-content/uploads/2019/02/Positive-Developments-Table-2019_EN.pdf
- National report: Malaysia. Child marriage: its relationship with religion, culture and patriarchy. (2018). Kuala Lumpur: Sisters in Islam & Asian-Pacific Resource and Research Centre for Women.
- Noor Aziah Mohd Awal and Mohd Al Adib Samuri. (2018). Child marriage in Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia & United Nations Children's Fund.
- Nur Rofiah Bil. Uzm. (2016). Perspektif Islam tentang perkawinan anak [powerpoint presentation].
- Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. 2020. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Sharifah Syahirah Syed Sheikh. (2018). Perkahwinan kanak-kanak: Faktor & kesan terhadap pemerkaaan insan [powerpoint presentation].
- CNN. (17 September 2019). Indonesia raises minimum age for marriage to curb child brides. Diambil daripada <https://edition.cnn.com/2019/09/17/asia/indonesia-marriage-age-raise-intl-scli/index.html>
- Ending child marriage in Africa: A brief by Girls Not Brides. (February 2015). Diambil daripada <https://www.girlsnotbrides.org/wp-content/uploads/2015/02/Child-marriage-in-Africa-A-brief-by-Girls-Not-Brides.pdf>
- Free Malaysia Today. (13 November 2018). Activists, school kids march to Parliament to stop child marriage. Diambil daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/11/13/activists-school-kids-march-to-parliament-to-stop-child-marriage/>

Global Citizen. (14 December 2018). Entering a child marriage in Thailand just got harder. Diambil daripada <https://www.globalcitizen.org/en/content/child-marriage-thailand-islamic-law-tightened/>

The Borneo Post. (14 September 2019). Ministry preparing Cabinet paper on minimum marriageable age - Fatimah. Diambil daripada <https://www.theborneopost.com/2018/09/14/ministry-preparing-cabinet-paper-on-minimum-marriageable-age-fatimah/>

The Guardian. (21 June 2019). Senior Islamic cleric issues fatwa against child marriage. Diambil daripada <https://www.theguardian.com/global-development/2019/jun/21/senior-islamic-cleric-issues-fatwa-against-child-marriage>

The New Straits Times. (10 August 2018). Penang to review minimum age for marriage. Diambil daripada <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/08/399911/penang-review-minimum-age-marriage>

The Star Online. (5 September 2018). Statutory amendments to raise minimum age for Muslims to marry in Selangor passed. Diambil daripada <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/09/05/statutory-amendments-to-raise-minimum-age-for-muslims-to-marry-in-selangor-passed/>

The Star Online. (8 May 2019). Perak MB: Legal child marriage age to be discussed at state legislative in July. Diambil daripada <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/05/08/perak-mb-legal-child-marriage-age-to-be-discussed-at-state-legislative-in-july/#GBmCtBGbdOOQwPZd.99>

The Star Online. (1 July 2019). Sabah govt to amend laws to raise minimum marriage age to 18 by August. Diambil daripada <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/07/01/sabah-govt-to-amend-laws-to-raise-minimum-marriage-age-to-18-by-august/#FKxvoDoDywQY1Dd1.99>

The Star Online. (6 July 2020). Addressing child marriage issue. Diambil daripada <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/the-bowerbird-writes/2020/07/06/addressing-child-marriage-issue>

The Sun Daily. (6 September 2018). Selangor raises minimum age for marriage from 16 to 18. Diambil daripada <https://www.thesundaily.my/archive/selangor-raises-minimum-age-marriage-16-18-YUARCH576572>

Warta kerajaan Negeri Selangor: Rang undang-undang. (24 Ogos 2018). Diambil daripada <https://www.jakess.gov.my/pdffile/ENAKMEN/Enakmen-enakmen%20negeri%20Selangor/Enakmen%20Keluarga/RUU%20UNDANG-UNDANG%20KELUARGA%20ISLAM%20%28NEGERI%20SELANGOR%29%20%28PINDAAN%29%202018.pdf>

Maklumat Tambahan

i. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak/ Convention on the Rights of the Child (CRC)

Kerajaan Malaysia telah menandatangani Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak pada 28 Disember 1994 dan telah digunakan pada 7 Februari 1995. Beberapa resensi pada konvensyen tersebut telah ditarik balik mengikut keadaan dan masa yang sesuai oleh kerajaan Malaysia. Akan tetapi, beberapa resensi masih terpakai bagi artikel 2, 7, 14, 28 para 1(a) dan 37 (berkaitan dengan isu-isu tiada diskriminasi ke atas kanak-kanak berdasarkan kumpulan etnik, gender, kepercayaan dan kebolehan, hak kepada nama keluarga dan warganegara, hak untuk memilih kepercayaan dan agama, pendidikan awal percuma harus diberikan kepada semua kanak-kanak dan kanak-kanak hanya boleh ditahan untuk jangka waktu yang singkat, tidak ditempatkan bersama dengan orang dewasa dan mesti dibenarkan untuk menghubungi keluarga sepanjang dalam tahanan).

Artikel 1 menetapkan umur minima perkahwinan adalah 18 tahun dan CRC telah memberi definisi kanak-kanak sebagai mereka yang berumur di bawah 18 tahun. CRC juga mendapat bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah amalan tradisional yang membahayakan kesihatan seksual dan reproduktif. Justeru, negara-negara terlibat hendaklah mengambil semua langkah untuk menghapuskan amalan tradisional ini (Artikel 24 (3)) dan melindungi semua kanak-kanak dari semua bentuk eksloitasi dan penderaan seksual (Artikel 34).

Secara umumnya, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak mendorong Kerajaan supaya lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan kanak-kanak dan mengiktiraf hak mereka.

ii. Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita/ Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW).

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995.

Terdapat tiga prinsip yang harus ditegakkan iaitu prinsip kesaksamaan substantif, prinsip tidak mendiskriminasi dan kewajipan pelaksanaan negara yang meratifikasikannya.

Tujuan utama CEDAW adalah untuk mencapai kesaksamaan substantif bagi wanita bukan sahaja dari segi undang-undang formal, tetapi juga untuk mencapai kesaksamaan dalam nilai sebenar dengan mengiktiraf diskriminasi yang terhasil secara kontrak sosial, dasar dan amalan yang secara langsung atau tidak langsung mempunyai kesan diskriminasi terhadap wanita.

Apabila satu negara telah meratifikasi CEDAW, kerajaan negara tersebut hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil semua langkah yang

sesuai dari segi undang-undang dan dasar untuk menamatkan diskriminasi terhadap wanita dan memberi perlindungan sewajarnya kepada wanita dari apa-apa tindakan yang mendiskriminasi mereka. Kerajaan yang memerintah perlu memberi laporan kepada Jawatankuasa CEDAW tentang kemajuan yang dibuat untuk mewujudkan kesaksamaan terutama kepada wanita di negara tersebut. Jawatankuasa CEDAW juga boleh membuat saranan kepada kerajaan dan kerajaan harus bertindak untuk melaksanakannya.

Artikel 16(2) berkenaan hak wanita dalam keluarga menyatakan negara-negara terlibat perlu mengambil langkah-langkah yang perlu seperti tidak mengiktiraf perkahwinan kanak-kanak dan membuat undang-undang untuk menetapkan umur minima perkahwinan dan mewajibkan pendaftaran untuk setiap perkahwinan.

iii. Matlamat Pembangunan Mampan/ Sustainable Development Goals (SDG)

Malaysia memulakan langkahnya dalam pembangunan lestari sejak tahun 1970-an, ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1970 untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pembangunan lestari merangkumi pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan yang adil kepada semua lapisan masyarakat, capaian kepada infrastruktur dan keperluan asas, perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pada tahun 2009, Model Ekonomi Baru (NEM) telah memperkuuh komitmen Malaysia untuk meneruskan pembangunan lestari berdasarkan tiga tingkak, iaitu pendapatan tinggi, menyeluruh dan mampan, yang mencerminkan tiga elemen SDG, iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Kesaksamaan dan pemerkaasan perempuan adalah salah satu daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Ia terkandung dalam Matlamat Kelima iaitu mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa perempuan dan kanak-kanak perempuan.

Di antara tujuan-tujuan Matlamat Kelima adalah:

- Menghentikan segala bentuk diskriminasi terhadap perempuan dan kanak-kanak di mana sahaja;
- Menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap perempuan dan kanak-kanak di ruang awam dan peribadi, termasuklah pemerdagangan dan eksloitasi seksual dan lain-lain;
- Menghapuskan semua amalan berbahaya seperti perkahwinan kanak-kanak, kahwin paksa dan juga sunat perempuan;

- Mengiktiraf dan menghargai rawatan dan pekerjaan rumah tangga yang tidak berbayar dengan menyediakan kemudahan awam, infrastruktur dan dasar perlindungan sosial yang sesuai. Kerajaan juga harus menekankan tanggungjawab dalam rumah tangga dan keluarga adalah tanggungjawab bersama;
- Memastikan perempuan terlibat dan mempunyai peluang yang sama pada peringkat kepimpinan dan membuat dasar untuk politik, ekonomi dan kehidupan awam;
- Memastikan akses yang mudah kepada kesihatan dan hak reproduktif dan seksual seperti yang dipersetujui dalam persidangan Programme of Action of the International Conference on Population and Development (ICPD) dan Beijing Platform for Action dan dokumen hasil tinjauan mereka;
- Melaksanakan pembaharuan dan memberi perempuan hak yang sama kepada sumber ekonomi, boleh memiliki dan menguasai harta tanah dan harta-harta lain, kewangan, harta waris dan sumber alam, yang bersesuaian dengan undang-undang tempatan;
- Memberdaya perempuan dalam penggunaan teknologi khususnya teknologi maklumat dan komunikasi;
- Mengamal dan memantapkan dasar dan undang-undang untuk meningkatkan kesaksamaan gender dan pemberdayaan perempuan dan kanak-kanak pada setiap peringkat.

Amalan perkahwinan kanak-kanak telah berkurangan dan sebahagian besarnya didorong oleh kemajuan di negara-negara Asia Selatan, di mana ia menurun lebih kurang seperempat di antara tahun 2013 dan 2018. Di negara sub-Sahara Afrika, tahap perkahwinan kanak-kanak menurun pada kadar yang lebih sederhana.

iv. Negara-negara Muslim atau majoriti Muslim yang melarang perkahwinan kanak-kanak

Negara	Perempuan	Lelaki	Penerangan
Indonesia	19 (sebelum ini 16) ⁸	19	<p>Parlimen Indonesia sebulat suara bersetuju untuk menaikkan umur minima perkahwinan kepada 19 pada September 2019. Langkah ini diambil selepas beberapa dekad berkempen kerana masalah perkahwinan kanak-kanak sangat berluasa di negara ini.</p> <p>Ponorogo, satu daerah di Jawa Timur bagaimanapun mencadangkan umur perkahwinan untuk perempuan adalah 21 tahun, manakala untuk lelaki adalah 25 tahun. Cadangan ini untuk mendorong pasangan muda merancang perkahwinan mereka⁹.</p>
Thailand	20; umur 17 dengan kebenaran ibu bapa atau umur 15 dengan kebenaran mahkamah	20; umur 17 dengan kebenaran ibu bapa	Perkahwinan kanak-kanak kini tidak sah di bawah undang-undang Islam di Thailand, melainkan diluluskan oleh jawatankuasa agama. Kanak-kanak di bawah umur 17 tahun kini memerlukan lebih daripada kebenaran ibu bapa di bawah undang-undang Islam. ¹⁰
Singapura	18; bawah 18 dengan kebenaran ibu bapa dan mahkamah	18	Kanak-kanak perempuan yang berumur 18 tahun memerlukan lesen khas dan pasangan yang mau berkahwin mesti menghadiri kursus kaunseling perkahwinan. ¹¹

Negara	Perempuan	Lelaki	Penerangan
Bangladesh	18; bawah 18 dengan kebenaran mahkamah	21	Walau bagaimanapun, Akta Perkahwinan Perkahwinan Kanak-kanak 2017 menyatakan mahkamah masih boleh membenarkan perkahwinan kanak-kanak dijalankan untuk "kes-kes tertentu". Akan tetapi ia tidak menjelaskan apakah kes-kes tersebut.
Pakistan (daerah Sindh)	18		Umur minima perkahwinan adalah 18 untuk perempuan dan lelaki. Undang-undang menghukum perkara-perkara berikut: (i) seorang lelaki yang berusia lebih dari 18 tahun dan berkahwin dengan kanak-kanak (ii) individu yang melakukan atau mengarahkan perkahwinan kanak-kanak dan (iii) ibu bapa atau penjaga yang mengizinkan, membenarkan atau gagal menghalang perkahwinan kanak-kanak dari berlaku.
Algeria	19; bawah 19 dengan kebenaran mahkamah		Mengikut sistem perundangan Perancis dan Shari'ah. Kelaziman perkahwinan kanak-kanak adalah 2%. ¹² Seorang hakim boleh membenarkan perkahwinan perempuan dan lelaki di bawah 19 tahun dengan alasan perkahwinan itu bermanfaat atau perlu dan kedua pihak berkemampuan untuk berkahwin.

8 <https://edition.cnn.com/2019/09/17/asia/indonesia-marriage-age-raise-intl-scli/index.html>

9 <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/the-bowerbird-writes/2020/07/06/addressing-child-marriage-issue>

10 <https://www.globalcitizen.org/en/content/child-marriage-thailand-islamic-law-tightened/>

11 <https://sso.agc.gov.sg/Act/WC1961?ProvlDs=P1III->

12 <https://www.girlsnotbrides.org/wp-content/uploads/2015/02/Child-marriage-in-Africa-A-brief-by-Girls-Not-Brides.pdf>

Negara	Perempuan	Lelaki	Penerangan
Maghribi	18; bawah 18 dengan kebenaran mahkamah		<p>Kerajaan telah memperkenalkan satu kod keluarga pada tahun 2004, dikenali sebagai Moudawana. Ini termasuk menaikkan umur minima perkahwinan perempuan dan lelaki dari 15 kepada 18.</p> <p>Walau bagaimanapun, kod ini memberikan hak untuk hakim menggunakan budi bicara mereka untuk membenarkan perkahwinan di bawah umur 18.</p>
Tunisia	18; bawah 18 dengan kebenaran mahkamah		<p>Umur minima perkahwinan adalah 18 untuk perempuan dan lelaki. Seorang hakim boleh membenarkan perkahwinan bawah 18 tahun untuk alasan yang serius, dan berkahwin adalah alasan terbaik untuk kedua pasangan.</p>
Mesir	18		<p>Umur minima perkahwinan adalah 18 untuk perempuan dan lelaki. Pendaftaran perkahwinan untuk kanak-kanak di bawah 18 tahun adalah dilarang.</p>
Turki	18; bawah 18 dengan kebenaran ibu bapa dan mahkamah		<p>Walau bagaimanapun, kanak-kanak masih boleh berkahwin pada umur 17 tahun dengan persetujuan ibu bapa atau penjaga. Kanak-kanak yang berumur 16 tahun juga boleh berkahwin, dengan izin khas dari mahkamah 'untuk keskes luar biasa dan penting'.</p>
Jordan	18; bawah 18 dengan kebenaran mahkamah		<p>Umur minima perkahwinan adalah 18 untuk perempuan dan lelaki. Seorang hakim boleh membenarkan perkahwinan bawah 18 tahun jika dianggap bersesuaian dan mempunyai kepentingan. Perkahwinan bawah 15 tahun tidak dibenarkan.</p>

Negara	Perempuan	Lelaki	Penerangan
Iraq	18; bawah 18 dengan kebenaran mahkamah		<p>Umur minima perkahwinan adalah 18 untuk perempuan dan lelaki. Seorang hakim boleh membenarkan perkahwinan bawah 18 tahun jika hakim yakin bahawa kedua-dua pasangan telah bersedia secara fizikal untuk berkahwin dan perkahwinan itu perlu. Perkahwinan bawah 15 tahun tidak dibenarkan.</p>
Oman	18; bawah 18 dengan kebenaran mahkamah		<p>Umur minima perkahwinan adalah 18 untuk perempuan dan lelaki. Seorang hakim boleh membenarkan perkahwinan bawah 18 tahun setelah hakim mengesahkan yang perkahwinan tersebut akan bermanfaat.</p>
UAE	18; bawah 18 dengan kebenaran mahkamah		<p>Umur minima perkahwinan adalah 18 untuk perempuan dan lelaki. Seorang hakim boleh membenarkan perkahwinan bawah 18 tahun jika ia dianggap sesuai dengan kepentingan pasangan.</p>
Sierra Leone	18; bawah 18 dengan kebenaran ibu bapa/penjaga dan mahkamah		<p>Akta Pendaftaran Perkahwinan dan Perceraian Adat menetapkan usia minima perkahwinan pada umur 18 tahun. Walau bagaimanapun, seseorang di bawah 18 tahun boleh berkahwin dengan kebenaran ibu bapa/penjaga mereka, atau dengan persetujuan mahkamah, sekiranya kebenaran tidak diperolehi.</p>
Kenya	18		<p>Umur minima perkahwinan adalah 18 untuk perempuan dan lelaki. Mana-mana individu yang berkahwin atau dengan sengaja merai atau menyaksikan perkahwinan kanak-kanak di bawah 18 tahun telah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman (penjara, denda atau kedua-duanya).</p>

v. Malaysia - Undang-undang Keluarga Islam Negeri berkaitan perkahwinan kanak-kanak

Negeri yang telah meminda undang-undang	Negeri yang bersetuju untuk meminda undang-undang	Negeri yang tidak bersetuju meminda undang-undang
Selangor ¹³ (dengan pengecualian) ¹⁴	Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)	Sarawak
	Penang	Pahang
	Sabah	Terengganu
	Johor	Perlis
	Melaka	Negeri Sembilan
	Perak	Kedah
		Kelantan

13 Statutory amendments to raise minimum age for Muslims to marry in Selangor passed, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/09/05/statutory-amendments-to-raise-minimum-age-for-muslims-to-marry-in-selangor-passed/>

14 <https://www.jakess.gov.my/pdffile/ENAKMEN/Enakmen-enakmen%20negeri%20Selangor/Enakmen%20Keluarga/RUU%20UNDANG-UNDANG%20KELUARGA%20ISLAM%20%28NEGERI%20SELANGOR%29%20PINDAAN%29%202018.pdf>



sisters in Islam

SIS Forum (Malaysia)

(266561 W)



@SistersInIslam



@OFFICIALSIS



SistersInIslamMYS



sistersinislam.my

A No 4, Lorong 11/8E, 46200
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

T +603 7960 3357

+603 7960 5121

+603 7960 6733

E sis@sistersinislam.org.my

F +603 7960 8737

www.sistersinislam.org

ISBN 978-983-2622-43-7



9 78983 622437